

KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF WARGA TUA DI MALAYSIA: KES WARGA TUA DESA KELANTAN

WAN IBRAHIM WAN AHMAD
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

MA'ROF REDZUAN
ZAHID EMBY
ABDUL HALIN HAMID
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Dalam kepastakaan gerontologi, modal manusia dan modal sosial secara meluas dianggap mempunyai pengaruh yang boleh meningkatkan tahap kesejahteraan warga tua. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengukur sejauh mana tahap kesejahteraan subjektif warga tua desa dipengaruhi modal manusia dan modal sosial yang mereka miliki. Untuk mencapai tujuan ini, sejumlah 214 orang warga tua berumur 60 tahun dan lebih di kawasan desa negeri Kelantan telah dipilih sebagai sampel kajian. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang telah disiapkan terlebih dahulu. Sebanyak 14 pemboleh ubah sosial dan demografi telah dianalisis menggunakan teknik analisi regresi untuk mengenal pasti pengaruh masing-masing ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Hasil kajian menunjukkan pendidikan, pengalaman kerja, perumahan dan hubungan sosial dengan pasangan serta kawan-kawan dan jiran tetangga merupakan pemboleh ubah yang mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif warga tua di kawasan kajian. Selain itu, hasil kajian juga mengesahkan bahawa pendidikan, pengalaman kerja, perumahan serta hubungan sosial dengan pasangan dan kawan-kawan serta jiran tetangga adalah penting untuk kesejahteraan subjektif warga tua. Gerontologi; warga tua; kesejahteraan; kesejahteraan subjektif.

ABSTRACT

***Purpose** – Within the gerontological kepastakaan, human and social capitals have been widely assumed to enhance subjective well-being of the elderly. The*

objective of this study was to identify the extent to which well-being of rural elderly is being influenced by their human and social capitals.

Design/Methodology/Approach – *To achieve this objective, 214 people aged 60 years and above in rural Kelantan were selected. Using data from the survey, 14 demographic and social variables were analysed using multiple regression analysis to determine their influence on the well-being of the elderly people.*

Findings – *Results showed that education, work experience, housing, and social ties with spouses, friends, and neighbours are variables that have a significant influence on the subjective well-being of the elderly within the study area.*

Originality/Value – *This study conformed that education, work experiences, housing, and social ties with spouses, friends, and neighbours are significantly important for the subjective well-being of the elderly.*

Keywords – *Gerontology; elderly; well-being; subjective well-being.*

PENDAHULUAN

Artikel ini berkaitan dengan kesejahteraan warga tua desa yang dianalisis daripada perspektif kesejahteraan subjektif, kesejahteraan material. Kajian untuk makalah ini mulanya berasal daripada satu kajian yang menganalisis kesejahteraan warga tua di kawasan desa Kelantan. Dalam kajian tersebut kedua-dua jenis kesejahteraan ini telah dianalisis dengan menggunakan dua model yang tersendiri. Matlamat utama artikel ini ialah untuk menghuraikan salah satu kesejahteraan ini iaitu kesejahteraan subjektif warga tua di daerah Limbongan, Pasir Putih, Kelantan¹.

Kesejahteraan merupakan satu konsep yang meluas digunakan, tetapi belum dapat diertikan dengan jelas dalam kepustakaan sains sosial (Levy & Guttman, 1975). Konsep tersebut mempunyai banyak dimensi yang menjadikannya sukar didefinisikan. Kamus Dewan (DBP, 1993) mendefinisikan sejahtera sebagai aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara dari bencana (kesusahan, gangguan, dan lain-lain), dan kesejahteraan sebagai keselamatan, kesenangan (hidup, dan lain-lain), kesentosaan ataupun ketenteraman (jiwa). Kamus Webster (Gove, 1966) menyatakan kesejahteraan sebagai suatu keadaan yang sihat, suatu keadaan yang merujuk kepada kebahagiaan, kesihatan, kemakmuran atau kekayaan. Kamus *Religion and Ethics*, (Vol.12) mengertikan *well-*

being sebagai *welfare*, dan *welfare* bermaksud kemuncak kebaikan manusia (Amriah Buang, 1988). Disebabkan kesejahteraan adalah suatu konsep yang luas dan abstrak maka konsep ini sukar untuk diukur. Konsep ini boleh membawa erti yang berbeza-beza di antara individu dengan individu yang lain (Shin, Ahn, Kim & Lee 1983). Ada penyelidik yang mendefinisikan konsep kesejahteraan sebagai sejauh mana kebahagiaan diperolehi (Shin & Johnson, 1978). Ada pula penyelidik yang mendefinisikan konsep tersebut sebagai sejauh mana tujuan kehidupan telah tercapai (Milbrath, 1980). Andrew (1974) menyatakan kesejahteraan sebagai tahap kualiti hidup iaitu sejauh mana individu mencapai kepuasan dan kesenangan serta sejauh mana individu dapat menghindarkan diri daripada pelbagai kesengsaraan yang mungkin timbul dalam hidupnya. Bradburn dan Caplovitz (Levy & Guttman, 1975) berpendapat konsep ini boleh juga disebut kesejahteraan psikologi, kesihatan mental, penyesuaian subjektif, ataupun kebahagiaan.

Dalam kepustakaan Islam, kesejahteraan disama ertikan dengan kebahagiaan, dan disebut *al-sa'ada*. Ghalwash (1978) mendefinisikan perkataan *al-sa'ada* sebagai kesempurnaan dan kemuncak kebaikan manusia. Kesempurnaan boleh bermaksud apabila seseorang mencapainya maka dia tidak lagi berhajat kepada sesuatu yang lain. Oleh itu kebahagiaan merupakan sesuatu yang tinggi dan kemuncak yang agung. Ia adalah matlamat yang dicita-citakan oleh setiap orang. Beliau juga mengatakan kesejahteraan adalah suatu konsep yang subjektif sifatnya, dan ia membawa makna yang berbeza di antara individu. Ibn Maskawaih, seorang tokoh falsafah Islam terkenal abad ke-11M, serta penyumbang besar kepada kepustakaan kesejahteraan, terutama melalui bukunya yang berjudul *Kitab al-Sa'ada* dan *Tahdhid al-Akhlaq*, juga mendefinisikan kesejahteraan sebagai *al-sa'ada*, iaitu sebagai kesempurnaan dan kemuncak kebaikan manusia (Mohd. Nasir Omar, 1992). Dalam al-Quran terdapat perkataan *al-sa'ada* yang bererti kebahagiaan. Selain itu terdapat perkataan *su'idu* yang bermaksud orang yang diberikan kebahagiaan (al-Quran, 11:108), atau *sa'id* yang bererti orang yang bahagia (al-Quran, 11:105). Terdapat juga beberapa perkataan lain di dalam al-Quran yang juga membawa makna yang sama, antaranya, *al-falah* (kemakmuran), *al-fawz* (kejayaan), *al-salama* (keselamatan), *al-najah* (keselamatan), *al-ni'ma* (keberkatan), *al-khair* (kebaikan), dan lain-lain (Mohd. Nasir Omar, 1992).

Kesimpulannya daripada pelbagai definisi yang dibincangkan dapat dirumuskan bahawa kesejahteraan bermaksud sejauh mana individu mencapai kesempurnaan, kepuasan, kesenangan dan kebaikan dalam

memenuhi keperluan hidupnya, sama ada dari segi material ataupun non material, serta sejauh mana individu dapat menghindarkan diri daripada pelbagai masalah yang timbul dalam kehidupannya. Dalam kajian ini kesejahteraan subjektif dimaksudkan sebagai skor yang diperoleh warga tua daripada sejumlah item kesejahteraan yang bertanyakan tentang sejauh mana mereka berpuas hati dengan pendapatan, perbelanjaan, pemilikan, dan berpuas hati dengan kesihatan mereka, serta boleh menjalani kehidupan harian dengan selesa.

PENDEKATAN DALAM KAJIAN KESEJAHTERAAN

Kajian mengenai konsep kesejahteraan ini oleh pengkaji-pengkaji awal, terutama dari segi pengukurannya berkembang melalui pendekatan objektif (kuantitatif). Akhir-akhir ini kajian konsep ini lebih banyak menggunakan pendekatan subjektif (kualitatif). Kini walaupun ramai pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan, pendekatan objektif adalah sesuai untuk mengkaji kesejahteraan material, manakala kajian kesejahteraan subjektif lebih sesuai menggunakan pendekatan subjektif.

Pendekatan Objektif

Fletcher dan Lorenz (1985) menyatakan usaha awal untuk mengukur kesejahteraan, khususnya kesejahteraan material dibuat menggunakan pendekatan objektif; iaitu berdasarkan pendapatan wang. Melalui pendekatan ini, warga tua boleh ditanya tahap kesejahteraan mereka melalui pendapatan keluarga mereka. Pengukuran konsep berdasarkan pendekatan objektif dibuat secara kuantitatif dan dikira berdasarkan nilai wang (Rudd & Kline, 1976). Nilai wang ini, seperti yang dianalisis oleh pengkaji, mungkin berupa pendapatan semasa, pendapatan isi rumah, serta kekayaan lain (Cheal, 1983), atau termasuk juga pendapatan daripada bantuan awam, bonus, pendapatan yang diperoleh daripada persaraan (Leon, 1985), dan lain-lain bentuk pendapatan. Rudd dan Kline (1976) menyatakan pendapatan wang merupakan ukuran objektif yang paling biasa digunakan untuk mengukur kesejahteraan material. Dalam kebanyakan kajian oleh ahli sosiologi atau psikologi, petunjuk ini digunakan sebagai petunjuk utama (McLanahan, 1985; Mutran & Reitzes, 1985). Ramai pengkaji, contohnya Garfinkel dan Haveman (1977), menggunakan petunjuk ini sebagai petunjuk kesejahteraan material.

Bagaimanapun untuk mengukur kesejahteraan material, pendapatan wang ini bukanlah satu petunjuk yang mutlak kerana ia tidak

mengambil kira pendapatan bukan wang, termasuk harta, serta pendapatan yang tidak dinilai berdasarkan nilai wang. Pendapatan wang juga selalunya mengalami keadaan turun naik dari semasa ke semasa (Morgan, 1968;1974). Untuk mengatasi masalah ini Rudd dan Kline (1976) menyarankan tahap penggunaan dan perbelanjaan isi rumah perlu dijadikan alternatif kepada pendapatan wang. Ini selaras dengan pendapat Fergusson, Horwood dan Beautrais (1981) yang menyatakan pengukuran konsep kesejahteraan material dapat dilakukan melalui tiga pendekatan, iaitu berdasarkan pendapatan, penggunaan, dan perbelanjaan. Fletcher dan Lorenz (1985) berpendapat pengukuran konsep kesejahteraan berdasarkan pendekatan objektif kurang menggambarkan keadaan kesejahteraan yang sebenar kerana gagal mengambil kira komponen kualiti serta proses mental yang berkaitan dengan persepsi individu tentang keadaan kewangan yang mereka hadapi. Oleh itu mereka berpendapat pengukuran konsep kesejahteraan perlu mengambil kira petunjuk subjektif.

Pendekatan Subjektif

Pendekatan ini telah digunakan dengan meluas oleh Rudd dan Kline (1976); Liang dan Fairchild (1979); Liang *et al.* (1980); Fergusson, Horwood dan Beautrais (1981) dan Wilhelm, Iams dan Rudd (1987). Rudd dan Kline (1976) umpamanya, menyatakan kesejahteraan, khususnya kesejahteraan subjektif adalah berkaitan dengan penilaian atau tanggapan seseorang. Oleh itu, pendekatan kajian yang sesuai dibuat ialah menggunakan pendekatan subjektif. Melalui pendekatan ini konsep tersebut tidak diukur secara kuantitatif, sebaliknya diukur secara subjektif, kerana kesejahteraan, sebenarnya adalah berdasarkan penilaian individu tentang keadaan hidup mereka. Tetapi pendekatan subjektif ini boleh dikuantitatifkan, iaitu dengan menggunakan skala.

Pengukuran konsep kesejahteraan melalui pendekatan subjektif ini boleh menggunakan skala satu pernyataan, ataupun beberapa siri pernyataan yang menggambarkan persepsi mengenai kesejahteraan masing-masing. Respons kepada siri pernyataan itu boleh padankan dengan skala Likert untuk dikuantitatifkan. Nilai atau skor daripada skala tersebut adalah mewakili tahap kesejahteraan responden. Liang dan Fairchild (1979) menggunakan skala satu item untuk mengukur kesejahteraan warga tua, dan meminta responden menyatakan pendapat sama ada sangat berpuas hati, berpuas hati, ataupun tidak berpuas hati mengenai keadaan kewangan mereka.

Liang *et al.* (1980) yang melakukan penilaian semula ke atas model asal mereka yang telah diuji melalui kajian sebelum itu (Liang & Fairchild, 1979), juga menggunakan pendekatan subjektif untuk mengukur kesejahteraan warga tua. Dalam kajian pertama pengukuran konsep ini dilakukan menggunakan skala satu pernyataan, sedangkan kajian kedua mereka menggunakan skala pelbagai pernyataan. Skala kedua ini mengandungi sembilan pernyataan berkaitan dengan kecukupan pendapatan isi rumah dalam memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, penjagaan kesihatan, atau rekreasi. Pendekatan sama digunakan oleh Wilhelm, Iams dan Rudd (1987). Mereka menggunakan skala pelbagai pernyataan, iaitu skala yang mengandungi 14 pernyataan untuk mengukur kesejahteraan. Pengukuran kesejahteraan yang lebih menyeluruh dibuat oleh Fergusson, Horwood dan Beautrais (1981) yang membentuk skala pengukuran yang mengandungi 49 pernyataan berkaitan dengan pendapatan, pemilikan isi rumah, dan perilaku ekonomi keluarga untuk menggambarkan kesejahteraan warga tua.

Oleh itu pendekatan subjektif lebih banyak digunakan berbanding pendekatan objektif. Buttel, Wilkening dan Martinson (1977) menyatakan penggunaan petunjuk subjektif sebagai pendekatan untuk mengukur kesejahteraan menjadi bahagian yang penting dalam penyelidikan kualiti hidup, dan memberikan contoh beberapa kajian yang dilakukan di Amerika (Andrew, 1974; Andrews & Withey, 1976), Britain (Abrams, 1973), atau Finland (Allardt, 1973), semuanya menggunakan pendekatan ini.

PEMBOLEH UBAH BERKAITAN DENGAN KESEJAHTERAAN

Terdapat pelbagai pemboleh ubah berkaitan dengan kesejahteraan. Liang dan Fairchild (1979) dalam kajian mereka menggunakan pemboleh ubah status sosial, iaitu penyertaan dalam tenaga buruh, pendapatan dan kekurangan relatif sebagai faktor berpengaruh ke atas kepuasan kewangan warga tua. Pemboleh ubah lebih kurang sama digunakan oleh Leon (1983) dalam analisisnya mengenai kesejahteraan pesara di Amerika Syarikat. Semua pemboleh ubah ini dianggap mempunyai kaitan dengan kesejahteraan warga tua. Berikut dibincangkan perkaitan beberapa pemboleh ubah dengan kesejahteraan warga tua.

Umur dan Jantina

Ada anggapan semakin tua seseorang ada kecenderungan, semakin tinggi tahap kesejahteraan subjektif mereka. Ini kerana keperluan

seseorang adalah tidak sama di antara pelbagai peringkat umur. Hasil beberapa kajian yang dijalankan ke atas aspek ini menunjukkan pemboleh ubah umur tidak mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kesejahteraan, baik kesejahteraan material mahupun kesejahteraan subjektif. Daripada kajian itu ada yang mendapati pemboleh ubah ini hanya mempunyai pengaruh yang positif yang kecil dan tidak signifikan. Shin *et al.* (1983) dalam kajian mereka ke atas kualiti hidup rakyat Korea mendapati umur tidak mempunyai pengaruh yang nyata ke atas semua domain kesejahteraan (kualiti hidup) warga tua. Mereka seterusnya yang menggunakan pemboleh ubah jantina dan umur sebagai mewakili pemboleh ubah sosioekonomi mendapati nilai koefisien beta pemboleh ubah tersebut terlalu kecil dan tidak signifikan.

Berdasarkan kajian mereka berpendapat jantina dan umur tidak mempunyai pengaruh yang jelas ke atas kesejahteraan. Kajian lain mengenai pengaruh umur ke atas kesejahteraan juga mendapati pemboleh ubah ini mempunyai pengaruh positif tetapi pengaruhnya tidak begitu kuat (Larson, 1978; Herzog & Rogers, 1981; Usui, Keil, & Durig, 1985). Larson yang meneliti semula kajian-kajian yang pernah dibuat selama 30 tahun mengenai kesejahteraan warga tua di Amerika mendapati pemboleh ubah umur mempunyai pengaruh positif yang kecil. Pengkaji lain menunjukkan pemboleh ubah umur mempunyai pengaruh berbeza ke atas kesejahteraan apabila menggunakan pengukuran yang berbeza (McNeil *et al.*, 1986).

Dari segi jantina, wanita dan lelaki dikatakan mempunyai persepsi yang berbeza ke atas kesejahteraan masing-masing. Medley (1976; 1980) mendapati jantina boleh mempengaruhi kesejahteraan. Perbezaan dari segi jantina boleh membawa perbezaan kesejahteraan. Markides dan Martin (1979) serta Michalos (1982) juga mendapati jantina boleh mempengaruhi kesejahteraan. Daripada pelbagai kajian lain yang dijalankan pengaruh jantina ke atas kesejahteraan adalah tidak begitu jelas (McNeil *et al.* 1986). Liang (1982) dan Collette (1984) juga dalam analisis mereka telah melaporkan jantina tidak membawa perbezaan yang nyata ke atas kesejahteraan. Hasil kajian ini adalah selaras dengan hasil yang diperoleh daripada kajian yang dibuat oleh Shin *et al.* (1983) yang mendapati jantina tidak mempunyai pengaruh yang nyata ke atas semua domain kualiti hidup. Analisis *multi-variate* pemboleh ubah jantina ke atas beberapa domain kualiti hidup menunjukkan nilai koefisien pemboleh ubah ini adalah tidak signifikan, yang bererti sama ada lelaki ataupun wanita tiada perbezaan dari segi jantina dan mereka mempunyai peluang yang sama untuk mencapai kesejahteraan.

Status Perkahwinan

Larson (1978) dan Diener (1984) menyatakan status perkahwinan secara konsisten telah menunjukkan pengaruh yang positif ke atas kesejahteraan, ini bererti warga tua yang berkahwin atau mempunyai pasangan hidup mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih baik. Bagaimanapun hubungan positif itu juga kecil dan seringkali tidak signifikan (Edwards & Klemmack, 1973; Toseland & Rasch, 1979-80). Edwards dan Klemmack (1973) menunjukkan hubungan positif ini berkurang daripada signifikan kepada tidak signifikan apabila pemboleh ubah pendidikan, pekerjaan dan pendapatan dikawal. Atchley (1975) dan Morgan (1974) juga menyatakan tidak terdapat perbezaan kesejahteraan yang nyata antara warga tua yang berkahwin dengan yang tidak berkahwin atau bercerai apabila pemboleh ubah pendapatan, mobiliti serta interaksi sosial dikawal. Tetapi ada juga kajian yang menunjukkan status perkahwinan, khususnya dengan menjadi janda, atau duda tua boleh menimbulkan pelbagai masalah dari segi kewangan, sosial, ataupun psikologi (Riley & Foner, 1968; dan Larson, 1978). Oleh itu orang yang tidak pernah berkahwin, janda, duda tua, ataupun warga tua kematian pasangan di peringkat tua, berada dalam keadaan berisiko tinggi (Myers, 1992), dan memerlukan sokongan untuk kesejahteraan.

Pendidikan

Setakat ini kajian mengenai pengaruh pemboleh ubah pendidikan ke atas kesejahteraan warga tua tidak banyak dilakukan. Hal ini mungkin disebabkan kerana para pengkaji cenderung untuk memasukkan pemboleh ubah pendidikan ini bersama dengan pendapatan dan status pekerjaan sebagai ukuran kepada pemboleh ubah status sosioekonomi (McNeil *et al.*, 1986). Larson (1978) umpamanya menggunakan pemboleh ubah status sosioekonomi untuk mengukur kesejahteraan warga tua. Dalam kajian itu Larson menggunakan pemboleh ubah pendidikan, pendapatan dan status pekerjaan sebagai ukuran kepada faktor status sosioekonomi. Ramai pengkaji berpendapat pendidikan hanya boleh mempengaruhi kesejahteraan secara tidak langsung. Hal ini membuktikan pendidikan itu sendiri tidak begitu penting dalam mempengaruhi kesejahteraan. Edwards dan Klemmack (1973) dan Palmore (1979) mendapati pendidikan mempunyai pengaruh positif yang rendah ke atas kesejahteraan dan pengaruhnya menjadi tidak signifikan apabila beberapa faktor lain dikawal. Mereka berpendapat hubungan yang positif di antara pendidikan dengan kesejahteraan

terjadi kerana warga tua yang mempunyai taraf pendidikan yang baik akan mempunyai pendapatan yang tinggi, dan kualiti perumahan yang lebih baik. Faktor inilah yang mempengaruhi kesejahteraan warga tua dan bukan faktor pendidikan itu sendiri. Markides dan Martin (1979) pula berpendapat pendidikan mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan dan pendidikan adalah penentu penting kesejahteraan warga tua lelaki. Walau bagaimanapun pendidikan mempunyai pengaruh yang kecil ke atas warga tua wanita. Mereka berpendapat, ini mungkin disebabkan dengan pencapaian pendidikan yang baik akan memberi kesempatan kepada kaum lelaki memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik.

Pekerjaan

Konsep pekerjaan dalam kepustakaan warga tua selalunya merujuk kepada warga tua itu masih aktif dalam tenaga buruh ataupun telah bersara. Tetapi dalam masyarakat desa dalam negara membangun, warga tua akan terus melibatkan diri dalam pekerjaan selagi mereka masih bertenaga untuk melakukannya. Kajian yang dilakukan ke atas warga tua di negara maju, mendapati warga tua yang bekerja mempunyai kesejahteraan yang lebih tinggi berbanding warga tua yang tidak bekerja (Campbell *et al.*, 1976). Larson (1978) menyatakan secara puratanya kajian-kajian yang dilakukan ke atas aspek pekerjaan dan kesejahteraan warga tua, baik kesejahteraan material ataupun kesejahteraan subjektif, mendapati terdapatnya hubungan yang positif di antara pemboleh ubah ini dengan kesejahteraan warga tua. Hal ini kerana dengan bekerja warga tua mempunyai sumber pendapatan sendiri yang menjadikan mereka tidak bergantung kepada anak-anak, merasa lebih selamat, jiwanya lebih tenang dan dengan itu boleh meningkatkan kesejahteraan.

Dengan bekerja juga warga tua boleh meneruskan hubungan sosial dengan rakan sekerja boleh berbincang, boleh mengingati kisah-kisah lalu, ataupun mempunyai tempat untuk meluahkan perasaan dan hal-hal ini mempunyai kaitan yang erat dengan kesejahteraan (Ward, 1979). Sebaliknya warga tua yang bersara pula, persaraan membawa pelbagai kesan negatif kepada warga tua itu sendiri akibat kejatuhan pendapatan yang menjadikan warga tua terpaksa bergantung kepada ahli keluarga. Persaraan menyebabkan kejatuhan separuh atau dua pertiga pendapatan, dan menyebabkan pesara tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk keperluan merupakan masalah genting warga tua yang bersara.

Kehilangan pekerjaan dalam jangka masa panjang boleh menimbulkan masalah yang serius kepada kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Jumlah Anak

Sehingga kini ada yang masih memperdebatkan sama ada jumlah anak mempunyai hubungan yang positif atau sebaliknya dengan kesejahteraan warga tua (Havanon, Knodel & Sittitrai, 1992). Kajian-kajian mengenai hubungan antara anak dengan kesejahteraan warga tua mendapati warga tua yang tidak mempunyai anak mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih tinggi berbanding pasangan warga tua yang mempunyai anak (Feldman, 1974). Ini adalah kerana kehadiran anak-anak dalam keluarga warga tua boleh mendatangkan kesan negatif ke atas kesejahteraan warga tua itu sendiri (Campbell *et al.* 1976), dan sebaliknya kesejahteraan warga tua cenderung meningkat selepas anak-anak meninggalkan rumah warga tua (Glenn, 1975; Harkins, 1978). Keadaan ini mungkin disebabkan terdapatnya jurang generasi yang mengakibatkan terjadinya jurang perbezaan sikap dan nilai di antara warga tua dengan anak-anak. Dengan adanya anak di rumah, konflik mungkin boleh terjadi, dan ini boleh mempengaruhi tahap kesejahteraan warga tua itu sendiri. Semua hasil kajian tersebut dilakukan dalam masyarakat Barat berdasarkan pengalaman Barat. Masyarakat Barat adalah masyarakat yang individualistik. Mereka lebih mementingkan diri sendiri, dan kurang mementingkan kekeluargaan, berbeza dengan masyarakat Timur di negara membangun. Dalam masyarakat negara membangun, ikatan dan kesejahteraan keluarga adalah menjadi tanggung jawab bersama. Ahli keluarga mempunyai ikatan emosi dan sentimen untuk bersama-sama menjaga kesejahteraan ahli keluarga mereka.

Sebab itu sumbangan yang dapat diberikan oleh anak-anak ke atas keuntungan sosial dan ekonomi ibu bapa selalu dijadikan alasan mengapa ibu bapa di negara yang sedang membangun memilih untuk mempunyai anak yang ramai (Clay & Haar, 1993). Dengan memiliki anak yang ramai ibu bapa yang sudah tua boleh bergantung kepada anak dari segi pendapatan. Mereka tidak lagi perlu terus bekerja di peringkat umur tua kerana tanggung jawab ini boleh diserahkan kepada anak-anak. Warga tua bebas daripada tanggung jawab mencari nafkah dan akan lebih sejahtera berbanding dengan ibu bapa yang mempunyai anak yang sedikit (Havanon, Knodel & Sittitrai, 1992). Caldwell (1976) juga mendapati bagi masyarakat miskin di Yoruba, anak adalah tenaga buruh yang produktif bagi membantu keluarga. Kanak-

kanak dalam masyarakat ini sudahpun dilatih untuk bekerja sejak kecil lagi, dan mereka ini menjadi tempat bergantung ibu bapa mereka di hari tua. Anak yang ramai dalam masyarakat ini penting kerana anak dapat berfungsi sebagai tenaga kerja di samping dapat menambahkan pendapatan keluarga.

Hubungan Keluarga

Dalam masyarakat Melayu berdasarkan pandangan orang tua-tua, hubungan warga tua dengan ahli keluarga adalah penting kepada kesejahteraan warga tua. Tetapi banyak kajian yang dilakukan di negara maju ke atas aspek ini mendapati hubungan antara warga tua dengan keluarga tidak mempunyai kaitan yang jelas dengan kesejahteraan. Glenn dan McLanehan (1981), umpamanya yang telah mengkaji kesan sokongan keluarga ke atas kesejahteraan psikologi warga tua mendapati interaksi antara anak dengan warga tua tidak mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan hidup warga tua. Conner, Powers dan Bultena (1979) juga mendapati jumlah ataupun kekerapan ikatan sosial tidak berkaitan dengan kepuasan hidup. Begitu juga keluarga, terutama anak-anak, walaupun mereka penting dalam memberikan sokongan kepada warga tua, tetapi kewujudan dan interaksi dalam keluarga adalah tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan kesejahteraan hidup warga tua (Larson, 1978; Glenn & McLanehan, 1981). Daripada banyak bukti yang diperolehi daripada Amerika didapati tidak terdapat hubungan yang positif antara interaksi dengan anak-anak dengan kesejahteraan hidup warga tua (Lee, 1979; Lee & Ellithorpe, 1982). Anak dewasa yang tinggal serumah dengan ibu bapa mereka boleh mendatangkan kesan negatif kepada kesejahteraan psikologi warga tua (Glenn & McLanehan, 1981). Warga tua yang berkahwin tetapi anak mereka tidak tinggal bersama mempunyai kesejahteraan yang lebih baik berbanding pasangan yang mempunyai anak dewasa yang tinggal bersama (Campbell *et al.*, 1976).

Kajian yang menggunakan reka bentuk silang bahagian, memanjang, ataupun kebelakang di Amerika Syarikat semuanya menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam kesejahteraan hidup ibu bapa apabila anak-anak telah mula meninggalkan rumah (Glenn, 1975; Harkins, 1978; Campbell *et al.*, 1976). Bahkan sesetengah bukti menunjukkan lawatan anak-anak berhubungan secara negatif dengan kesejahteraan warga tua (Seelbach & Sauer, 1977; Dowd & LaRossa, 1982).

Dalam konteks masyarakat Islam, Hashim Yahaya (1989) menyatakan anak-anak adalah diwajibkan menjaga hati dan perasaan ibu bapa

mereka yang sudah tua. Sokongan anak-anak adalah penting kepada kesejahteraan material dan subjektif warga tua. Ini kerana dalam agama Islam anak-anak mempunyai peranan penting untuk meningkatkan kesejahteraan warga tua. Ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi dan mempunyai hak tertentu yang wajib dipenuhi oleh anak-anak. Hak ibu bapa mempunyai kedudukan yang istimewa, dan dalam al-Quran, hak itu selalu disebutkan selepas tuntutan kewajiban manusia terhadap Allah s.w.t (lihat al-Qur'an, 4: 36). Terdapat banyak bukti dalam al-Quran dan Hadith Rasulullah (s.a.w) yang menekankan pentingnya aspek sokongan kepada kesejahteraan warga tua. Beliau seterusnya menyatakan mentaati dan menghormati ibu bapa menjadi lebih kritikal apabila keduanya telah mencapai umur tua. Tingkah laku mereka mungkin berubah apabila tua. Mereka mungkin menjadi seperti kanak-kanak, cerewet atau mudah berkecil hati. Anak-anak hendaklah sentiasa bersabar dengan keadaan tersebut dan ibu bapa perlu dihormati dan diberikan sokongan walaupun mereka berada dalam keadaan yang kurang normal.

Hubungan Kawan dan Jiran Tetangga

Daripada kajian yang pernah dilakukan hubungan antara warga tua dengan kawan dan jiran adalah penting dalam meningkatkan kesejahteraan khususnya kesejahteraan subjektif. Walaupun kebanyakan kajian menunjukkan hubungan antara warga tua dengan ahli keluarga tidak begitu penting kepada kesejahteraan, tetapi hubungan antara warga tua dengan kawan atau jiran tetangga adalah penting kepada kesejahteraan subjektif warga tua. Hubungan antara warga tua dengan kawan dan jiran tetangganya menjadi bertambah penting sekiranya warga tua itu sedang menghadapi masalah tertentu, seperti tekanan emosi akibat suatu peristiwa. Dalam konteks ini ikatan dan hubungan sosial adalah penting untuk menghadapi kesan negatif sesuatu peristiwa (Thoits, 1984).

Sehingga kini belum ada kajian yang mendalam yang menganalisis mengapa hubungan warga tua dengan kawan dan jiran adalah lebih penting ke atas kesejahteraan berbanding hubungan antara warga tua dengan ahli keluarga. Arling (1976) yang cuba menganalisis persoalan ini menyarankan dua alasan yang mungkin boleh menerangkan keadaan tersebut. Pertama kerana minat yang berbeza. Minat atau nilai yang berbeza tidak melahirkan hubungan yang akrab. Kedua berkaitan dengan pergantungan warga tua yang boleh menimbulkan ketegangan. Warga tua awal mempunyai kemampuan fizikal untuk

membolehkannya saling bertukar sokongan. Disebabkan umur meningkat, warga tua lebih banyak menerima daripada memberikan sokongan. Keadaan ini menyebabkan kepentingan warga tua itu sendiri dari segi fungsinya telah menurun yang menyebabkan hubungan tidak meningkatkan kesejahteraan warga tua.

Sokongan Keluarga

Warga tua memerlukan sokongan disebabkan oleh faktor keumuran dan keupayaan fizikal yang semakin berkurangan (Chua, 1988). Umur tua selalunya disertai dengan penurunan taraf kesihatan fizikal. Warga tua yang lebih tua mempunyai kesihatan fizikal yang lebih rendah. Dengan taraf kesihatan yang rendah ini menjadikan warga tua mempunyai darjah kebergantungan yang tinggi dan dengan itu terpaksa mendapat sokongan yang lebih banyak daripada ahli keluarga untuk kesejahteraan. Ahli keluarga menjadi sumber sokongan utama warga tua kerana perasaan tanggung jawab dan hubungan yang akrab yang wujud di kalangan anggota keluarga terutama dengan pasangan dan anak-anak (Horwitz, 1993). Ahli keluarga terdekat merupakan saluran utama dan pertama kepada warga tua mendapatkan sokongan (Cantor & Little, 1985). Sebab itulah warga tua mencari ahli keluarga terlebih dahulu untuk mendapatkan sokongan sebelum mencari sumber lain (Cantor, 1979), dan hanya akan mencari sokongan formal jika terdesak dan tidak dapat dihindarkan (Hooyman & Kiyak, 1988).

Walaupun ramai warga tua yang mampu menjaga dan menguruskan keperluan mereka sendiri, tetapi mereka akhirnya akan melalui satu peringkat di mana mereka terpaksa bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk penjagaan (Cicirelli, 1983). Pada umumnya semakin tua seseorang semakin rendah tahap kesihatannya, dan warga tua yang mempunyai tahap kesihatan yang rendah amat memerlukan penjagaan dan sokongan ahli keluarga. Di negara maju walaupun negara mempunyai peranan yang besar ke atas kebajikan warga tua, tetapi ahli keluarga masih tetap memikul tanggung jawab menyediakan penjagaan dan perkhidmatan berkaitan dengan kesihatan ibu bapa mereka yang mengalami sakit kronik (Gibson, 1992). Mereka tidak menyerahkan semua urusan penjagaan ini kepada pemerintah. Tahap kesihatan boleh menentukan tahap penjagaan dan sokongan yang diterima oleh warga tua. Walker dan Pratt (1991) dalam kajian mereka mengenai pertolongan anak perempuan kepada ibu mereka menunjukkan tahap kesihatan ibu boleh menentukan tahap pertolongan yang akan diterima daripada anak perempuan mereka. Anak perempuan daripada ibu yang

tidak sihat akan menyediakan pertolongan untuk aktiviti seperti urusan membeli barangan keperluan dapur, tugas-tugas domestik dan juga penyediaan makanan. Penemuan seperti ini selari dengan penemuan Stone, Cafferata dan Sangl (Walker & Pratt, 1991) yang mendapati anak perempuan ibu yang sihat tidak memberikan banyak pertolongan kepada ibu.

Status perkahwinan warga tua itu sendiri juga boleh mempengaruhi sokongan yang diterima. Warga tua yang tidak berkahwin, lebih-lebih lagi janda atau duda, tidak mempunyai jaringan yang luas, dan kurang mendapat sokongan daripada kawan dan jiran. Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan dengan menjadi janda atau duda tua boleh menimbulkan pelbagai masalah dari segi kesejahteraan (Riley & Foner, 1968; Larson, 1978). Oleh yang demikian orang tidak pernah berkahwin, janda atau duda, atau kematian pasangan di peringkat umur tua, berada dalam keadaan berisiko tinggi (Myers, 1992), dan memerlukan sokongan daripada kawan-kawan dan jiran tetangga. Semakin tinggi status sosioekonomi warga tua semakin besar jaringan sokongan dan semakin tinggi tahap kesejahteraan mereka (Fischer, 1982; Antonucci, 1985). Kajian-kajian etnografi ke atas penduduk kulit hitam di Amerika menyokong kenyataan ini, dan menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara status sosioekonomi dengan kesejahteraan (Taylor, 1986).

Di negara membangun kesejahteraan warga tua menjadi tanggung jawab ahli keluarga (Masitah & Nazileh, 1988). Warga tua yang tidak mampu menjaga diri sendiri, tahap kesejahteraannya banyak bergantung kepada anak-anak. Dalam konteks masyarakat Islam, Hashim Yahaya (1989) menyatakan agama Islam melarang dan mengenakan dosa yang besar sekiranya seorang anak mempunyai banyak harta dan kemewahan sedangkan mereka mengabaikan ibu bapa sehingga ibu bapa mereka berada dalam kemelaratan dan kemiskinan. Oleh itu bagi keluarga Islam, anak-anak dan ahli keluarga mempunyai tanggung jawab penting dalam menyediakan sokongan kepada warga tua, dan sokongan ini tidak boleh diserahkan kepada orang lain sekiranya warga tua tersebut masih mempunyai anak, walaupun anak itu sendiri juga berada dalam keadaan kemiskinan. Anak juga dikehendaki berdoa kepada Allah (s.w.t) agar ibu bapa sentiasa dikurniakan kesejahteraan hidup. Doa adalah salah satu bentuk sokongan. Allah (s.w.t) menyuruh anak-anak berdoa kepada-Nya agar Allah (s.w.t) mengasihani ibu bapa seperti mana ibu bapa telah mendidik anak-anak waktu kecil (Hashim Yahaya, 1989). Setiap orang diwajibkan berdoa agar mendapat kesejahteraan hidup di dunia sehinggalah hidup di akhirat. Orang yang tidak berdoa adalah orang yang dibenci oleh Allah (s.w.t). Dalam konteks sokongan

kepada ibu bapa, sesuai dengan tujuan akhir suatu sokongan adalah agar warga tua memperoleh kesejahteraan dalam hidupnya maka setiap anak diwajibkan berdoa agar ibu bapa memperoleh kesejahteraan.

Sokongan Kawan dan Jiran Tetangga

Sokongan dikatakan sebagai salah satu pemboleh ubah penting yang boleh mempengaruhi kesejahteraan (Cantor & Little, 1985). Sokongan yang berpatutan dan berterusan daripada sahabat dan jiran tetangga dapat meningkatkan lagi kesejahteraan warga tua (Erickson, 1989). Ini berasaskan kepentingan sokongan ini kepada aspek penjagaan, kesihatan yang berterusan dan kesejahteraan mereka (Antonucci & Akiyama, 1987). Kajian klasik Durkheim mengenai kejadian bunuh diri di Eropah, dianggap telah menonjolkan bukti awal pentingnya sokongan untuk meningkatkan kesejahteraan seseorang (Litwak & Messeri, 1989). Banyak kajian yang menunjukkan sokongan mempunyai peranan ke atas kesejahteraan, khususnya kesejahteraan subjektif warga tua. Berkman dan Syme (1979), serta House dan Kahn (1985) menunjukkan sokongan boleh mengatasi pelbagai sebab kematian dan boleh mengurangkan kadar kematian. Berkman dan Syme (1979) melalui kajian mereka di Alameda mendapati penduduk yang kurang atau tidak mempunyai sokongan sosial mempunyai kadar kematian satu kali ganda lebih tinggi daripada penduduk yang menerima sokongan sosial.

KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF WARGA TUA DI MALAYSIA: KES MASYARAKAT DESA KELANTAN

Kajian mengenai kesejahteraan warga tua di Malaysia boleh dikatakan belum meluas. Untuk mengenalpasti kesejahteraan warga tua secara lebih dekat, perbincangan dalam kertas ini adalah berasaskan data yang diambil daripada sebuah kajian yang dilakukan di kawasan pedesaan negeri Kelantan akhir 1990-an. Untuk mengenalpasti perubahan dan kesinambungan kehidupan warga tua di kawasan kajian, pemerhatian terus dilakukan antara tahun 2000-2005. Kajian ini secara bertujuan memilih daerah Limbongan, yang terletak dalam jajahan Pasir Putih, negeri Kelantan sebagai kawasan kajian. Daerah Limbongan dipilih kerana daerah ini mempunyai mukim yang memiliki tahap kemajuan yang berbeza-beza. Dengan keluasannya kira-kira 16 217 km² daerah ini mempunyai enam mukim, iaitu Pengkalan, Alor Pasir, Gong Chapa, Tok Adam, Wakaf Bunut dan Bandar. Mukim Bandar merupakan mukim yang paling maju. Pengkalan dan Wakaf Bunut yang terletak di pinggir bandar adalah dua mukim yang agak maju. Mukim-mukim lain adalah

agak ketinggalan. Mukim Bandar adalah mukim termaju disebabkan mukim ini merupakan pusat bandar bagi daerah, dan di sinilah letaknya bandar Pasir Putih yang menjadi bandar laluan masuk pengunjung dari Terengganu, Pahang atau negeri lain ke Kelantan. Mukim lain terletak berselerak jauh daripada bandar Pasir Putih. Jadi disebabkan mukim-mukim ini terletak daripada pusat bandar maka ia mempunyai tahap kemajuan sosioekonomi dan infrastruktur yang berbeza-beza. Tahap kemajuan yang berbeza mewujudkan perbezaan dalam tahap kesejahteraan penduduknya.

Responden kajian ialah warga tua Melayu yang berumur 60 tahun dan lebih yang tinggal dalam masyarakat, iaitu di daerah Limbongan, bukan tinggal terasing di rumah orang tua. Penduduk yang berumur 60 tahun dan lebih dipilih untuk kajian ini kerana memenuhi definisi warga tua, iaitu apabila mereka berumur dalam lingkungan 60 tahun dan lebih. Responden adalah berjumlah 214 orang. Jumlah tersebut merupakan 20 peratus daripada keluarga yang mempunyai warga tua di daerah Limbongan. Penentuan 20 peratus daripada semua keluarga yang mempunyai warga tua dibuat berdasarkan jumlah sebanyak itu dianggap mewakili populasi (Rohana Yusof, 2004). Lagipun jumlah sampel yang besar tidak diperlukan untuk menyelidik populasi yang homogen sifatnya (Downie & Starry, 1977). Warga tua ini dipilih menggunakan persampelan rawak mudah. Data dikumpulkan menggunakan soalselidik dianalisis dengan menggunakan teknik analisis regresi berganda.

Kesejahteraan subjektif dalam kajian ini dimaksudkan sebagai sejauh mana warga tua dapat mencapai kepuasan tentang pendapatan, pola perbelanjaan, pemilikan barangan isirumah dan harta, dan berpuas hati dengan keadaan kesihatannya. Pengukuran kesejahteraan subjektif adalah menggunakan empat indikator iaitu (1) pendapatan, (2) pola perbelanjaan harian, (3) pemilikan barangan isirumah dan harta, dan (4) tahap kesihatan. Indikator ini diukur berdasarkan kriteria subjektif, iaitu melalui jawapan warga tua ke atas pertanyaan tentang persepsi mereka, sama ada mereka merasa puas atau tidak dengan pendapatan; pola perbelanjaan; pemilikan barang isirumah dan harta; serta persepsi ke atas tahap kesihatan. Setiap indikator diwujudkan tiga pernyataan, dan kerana itu pengukuran tahap kesejahteraan dalam kajian ini menggunakan 12 pernyataan melalui pilihan jawapan skala Likert yang diberikan skor empat mata.

Sebahagian besar warga tua berstatus berkahwin. Warga tua berkahwin kebanyakannya sudahpun berumahtangga melebihi 30 tahun. Tidak ramai warga tua yang tidak mempunyai anak. Kebanyakan mereka

tidak bersekolah dan masih bekerja. Pendapatan kebanyakan warga tua agak rendah, dengan purata sebanyak RM298.00 sebulan. Pendapatan mod ialah RM200.00, sementara pendapatan median pula ialah RM210.00. Secara keseluruhan kira-kira 77.6% responden merasa dapat memenuhi keperluan asas. Walaupun kumpulan yang berada di bawah garis kemiskinan besar (81.3 peratus), tetapi mereka dapat memenuhi keperluan asas yang diperlukan. Hanya 22.4 peratus waarga tua yang tidak dapat memenuhi keperluan asas (Jadual 1).

Jadual 1

Taburan Warga Tua Mengikut Persepsi Mengenai Kecukupan Pendapatan di Daerah Limbongan

Kecukupan Pendapatan	Lelaki	Peratus	Wanita	Peratus	Jumlah	Peratus (%)
Tidak Mencukupi Untuk Keperluan	29	22.1	19	22.9	48	22.4
Kebanyakan Keperluan Dapat Dipenuhi	26	19.9	14	16.9	40	18.7
Semua Keperluan Asas Dapat Dipenuhi	44	33.6	34	41.0	78	36.5
Keperluan Dipenuhi dan Sedikit Lebihan	32	24.4	16	19.2	48	22.4
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0

Tahap kesejahteraan subjektif warga tua yang agak tinggi boleh juga diperhatikan melalui pola perbelanjaan atau persepsi mereka terhadap kualiti barangan. Daripada pertanyaan mengenai harga barang-barang yang selalu dibeli jika mereka diberikan pilihan, kebanyakan mereka bersetuju memilih barang-barang yang tidak begitu murah harganya kerana dikhuatiri barang-barang tersebut tidak mempunyai kualiti yang baik. Mereka juga tidak begitu suka membeli barang-barang yang terlalu mahal, malah seboleh-bolehnya ingin mencari barang yang sederhana dari segi harga dan kualiti. Gaya hidup warga tua yang suka berbelanja barang-barang mahal, mewah dan berkualiti, juga boleh menggambarkan tahap kesejahteraan subjektif mereka yang agak tinggi. Dalam kajian ini kebanyakan warga tua lebih suka memilih barang-barang yang sederhana dari segi harga dan kualiti, dan ia boleh menggambarkan tahap kesejahteraan subjektif mereka yang sederhana. Tetapi dalam konteks masyarakat desa di Limbongan, tidak berbelanja besar bukan bererti mereka tidak mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang tinggi. Amalan berjimat cermat dalam keluarga, serta

beban hidup yang rendah di Limbongan boleh menjadi sebab mengapa sesetengah warga tua berbelanja kecil.

Amalan berjimat cermat dalam keluarga juga mempunyai kaitan yang erat dengan pola perbelanjaan harian keluarga. Ada keluarga yang tidak berbelanja besar walaupun keperluan mereka agak besar. Mereka sanggup berjimat dan hidup sederhana. Pengalaman hidup susah di masa lalu boleh mempengaruhi cara perbelanjaan. Ada warga tua yang semasa kecil, atau mudanya hidup susah, dan memaksanya berusaha gigih. Berkat kegigihannya warga tua tersebut kini hidup agak senang. Disebabkan pengalaman hidup yang demikian maka warga tua tersebut sentiasa berjimat dalam perbelanjaannya. Sebaliknya ada keluarga yang hidupnya boros. Mereka berbelanja besar sehingga semua pendapatan harian mereka habis dibelanjakan. Keadaan ini semua bergantung kepada amalan berjimat cermat keluarga berkaitan. Satu perkara lagi yang perlu diperhatikan ke atas pola perbelanjaan ini, seperti yang diberitahu oleh salah seorang informan, ialah budaya masyarakat setempat. Katanya budaya hidup masyarakat desa berbeza dengan budaya masyarakat bandar. Dalam masyarakat desa kebanyakan bahan makanan, terutama untuk sarapan pagi dibuat sendiri oleh keluarga. Ada warga tua yang membuat nasi goreng, merebus ubi kayu, menanak nasi atau pulut untuk sarapan pagi. Mereka membeli gandum dan di sebelah paginya mereka *menguli* gandum tersebut dengan pisang masak untuk dibuat *lepeng*. Barangan dapur seperti kelapa, sayur atau ulam, jarang yang mereka beli sebab semua itu boleh didapati secara percuma daripada tepi rumah. Yang penting, rajin atau malas sahaja. Kalau mereka rajin mereka dapat berjimat dan tidak perlu mengeluarkan belanja yang banyak setiap hari.

Berdasarkan persepsi warga tua mengenai pemilikan isirumah dan harta pula, sebahagian besar warga tua mengatakan pemilikan isirumah dan harta mencukupi. Kebanyakan mereka berpuas hati dengan apa yang ada pada mereka. Hanya sebahagian kecil sahaja yang merasakan pemilikan tidak mencukupi, dan berpendapat mereka tidak mempunyai harta. Ada juga warga tua yang merasakan mereka sudah tidak memerlukan apa-apa lagi, cukup sekadar apa yang ada. Berdasarkan persepsi ini maka dianggarkan tahap kesejahteraan subjektif sebahagian besar warga tua agak memuaskan. Walaupun mereka tidak mempunyai banyak pemilikan, tetapi mereka merasa puas dengan apa yang ada pada mereka. Dalam konteks kesihatan warga tua ditanya sama ada mereka berpuas hati dengan tahap kesihatan mereka. Untuk menganalisis persepsi ini warga tua diberikan pilihan sama ada menyatakan kesihatannya teruk, mereka kurang berpuas hati, berpuas hati, dan amat berpuas hati dengan tahap kesihatan mereka. Sebanyak 32.7% mengatakan amat berpuas hati, sementara 39.3% berpuas hati. Ini

bererti 67.3% warga tua menganggap kesihatan mereka adalah baik. Tidak ada seorangpun responden yang menganggap keadaan kesihatan mereka sebagai teruk. Hanya sebahagian kecil warga tua kurang berpuas hati dengan keadaan kesihatan mereka (Jadual 2).

Jadual 2

Taburan Warga Tua Mengikut Persepsi Mengenai Tahap Penyakit dan Perbandingannya dengan sebelum ini dan dengan Rakan Sebaya

Keadaan Kesihatan	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah	Peratus
Tahap Penyakit						
Kesihatan Teruk	-	-	-	-	-	-
Kurang Puas Hati	37	28.2	23	27.7	60	28.0
Puas Hati	53	40.5	31	37.4	84	39.3
Amat Puas Hati	41	31.3	29	34.9	70	32.7
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0
Berbanding Sebelum ini						
Tahun Lepas Lebih Sihat	54	41.2	36	43.4	90	42.1
Lebih Kurang Sama	75	57.3	46	55.4	121	56.5
Tahun Ini Lebih Sihat	2	1.5	1	1.2	3	1.4
Tahun Ini Jauh Lebih Sihat	-	-	-	-	-	-
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0
Berbanding Rakan Sebaya						
Tidak Sesihat Mereka	45	34.4	27	32.5	72	33.6
Lebih Kurang Sama	56	42.7	31	37.4	87	40.7
Saya Lebih Sihat	30	22.9	25	30.1	55	25.7
Saya Jauh Lebih Sihat	-	-	-	-	-	-
Jumlah	131	100.0	83	100.0	214	100.0

Tahap kesihatan warga tua pada masa kajian juga pada keseluruhannya dipersepsikan sebagai tidak jauh berbeza dengan tahap kesihatan mereka pada tahun sebelumnya, dan tidak jauh berbeza dengan tahap kesihatan orang lain yang sebaya. Persepsi positif terhadap tahap kesihatan adalah penting kerana ia dapat menghindarkan warga tua daripada masalah kesunyian yang boleh menurunkan tahap kesejahteraan. Oleh itu tahap kesejahteraan subjektif warga tua di kawasan kajian adalah agak baik.

KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF SECARA UMUM

Kesejahteraan dalam kajian ini diukur menggunakan 12 pernyataan daripada empat indikator yang telah disebutkan. Jawapan kepada kesemua pernyataan yang dikemukakan dijumlahkan dan skor tersebut menggambarkan tahap kesejahteraan subjektif warga tua. Kesejahteraan subjektif warga tua dianalisis berdasarkan bahagian-bahagian berikut,

iaitu: tahap kesejahteraan subjektif secara umum; tahap kesejahteraan subjektif mengikut mukim; dan tahap kesejahteraan subjektif mengikut ciri latar belakang. Berasaskan penjumlahan yang dibuat skor kesejahteraan subjektif warga tua di daerah Limbongan menjulat di antara 12 hingga 48. Skor mentah kesejahteraan subjektif yang terkumpul dikategorikan kepada tiga; iaitu skor antara 23 dan kurang mewakili tahap kesejahteraan rendah, skor antara 24-35 mewakili tahap kesejahteraan subjektif sederhana, dan skor antara 36 dan lebih mewakili tahap kesejahteraan subjektif tinggi (Jadual 3).

Jadual 3

Taburan Warga Tua Mengikut Tahap Kesejahteraan Subjektif Secara Umum di Daerah Limbongan

Skor Kesejahteraan Subjektif	Jumlah	Peratus
23 dan kurang (rendah)	62	29.0
24-35 (sederhana)	126	58.9
36 dan lebih (tinggi)	26	12.1
Jumlah	214	100.0

Adalah didapati tahap kesejahteraan subjektif warga tua kebanyakannya sederhana tinggi, kerana sebanyak 58.9% daripada mereka memperoleh skor antara 24-35, yang menggambarkan tahap kesejahteraan subjektif mereka yang sederhana. Hanya 12.1% warga tua yang memperoleh skor 36 dan lebih, iaitu skor yang menunjukkan tahap kesejahteraan subjektif yang tinggi, sementara 29.0% pula mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang rendah. Satu lagi pendekatan untuk mengukur tahap kesejahteraan subjektif warga tua ialah melalui skala satu item yang mengutarakan pernyataan secara langsung ke atas kesejahteraan hidup, sama ada; memuaskan, sederhana, ataupun kurang memuaskan. Sebahagian besar warga tua menanggapi keadaan hidup mereka sederhana (68.2%), kurang memuaskan (23.4%), dan memuaskan (8.2%). Oleh itu tahap kesejahteraan subjektif warga tua yang diukur menggunakan skala satu item ini menghasilkan maklumat yang tidak jauh berbeza dengan maklumat yang diperolehi melalui pengukuran menggunakan skala banyak item.

KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF MENGIKUT MUKIM

Mukim Bandar adalah mukim yang terdapat warga tua yang mempunyai tahap kesejahteraan subjektif tinggi yang paling ramai,

diikuti Pengkalan dan Wakaf Bunut. Mukim lain tidak terdapat warga tua yang mempunyai tahap kesejahteraan tinggi. Dalam tiga mukim ini juga terdapat warga tua yang mempunyai tahap kesejahteraan subjektif sederhana yang ramai. Tok Adam merupakan mukim yang terdapat warga tua yang mempunyai tahap kesejahteraan rendah paling ramai (Jadual 4).

Jadual 4

Taburan Peratusan Warga Tua mengikut Mukim dan Tahap Kesejahteraan Subjektif di Daerah Limbongan

Mukim	Kesejahteraan Subjektif		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Pengkalan	5.1	81.4	13.6
Alor Pasir	-	52.0	48.0
Gong Chapa	-	50.0	50.0
Tok Adam	-	35.0	65.0
Wakaf Bunut	3.4	62.1	34.5
Bandar	6.1	71.4	22.4
Daerah Limbongan	12.1	58.9	29.0

Kebanyakan warga tua di tiga mukim ini tidak banyak yang menanggapi kesejahteraan hidup mereka sebagai rendah. Kebanyakan mereka berpuas hati dengan kehidupan mereka sekeluarga. Pemerhatian yang dibuat ke atas cara hidup mereka juga menunjukkan warga tua di tiga mukim ini adalah antara warga tua yang sejahtera. Selain mukim Bandar, Pengkalan dan Wakaf Bunut adalah merupakan mukim di pinggir bandar yang mempunyai ciri bandar dan pesat membangun dan terdapat kemudahan asas yang mencukupi. Walaupun tidak semua rumah mendapat kemudahan air paip, tetapi elektrik adalah merata. Ramai warga tua mempunyai sumber pendapatan yang agak baik hasil pekerjaan di luar sektor pertanian, termasuk melibatkan diri dalam perniagaan. Mukim lain terletak agak ke pedalaman dan tahap pembangunan fizikal adalah lebih rendah.

KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF MENGIKUT LATAR BELAKANG

Tahap kesejahteraan subjektif berasaskan pelbagai ciri latar belakang ditunjukkan melalui Jadual 5. Warga tua wanita, warga tua awal, warga tua berkahwin serta bercerai lebih ramai mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi. Warga tua balu/duda dan bujang tidak ada

yang mempunyai tahap kesejahteraan tinggi. Semua warga tua bujang tergolong dalam kategori kesejahteraan subjektif rendah. Warga tua yang bersekolah, dan masih berkerja, juga lebih ramai yang mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang tinggi berbanding warga tua yang tidak bersekolah dan sudah tidak lagi berkerja.

Jadual 5

Taburan Peratusan Warga Tua Mengikut Ciri Latar Belakang dan Tahap Kesejahteraan Subjektif

Ciri Latar Belakang	Tahap Kesejahteraan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Jantina			
Lelaki	28.9	61.4	9.6
Perempuan	29.0	57.3	13.7
Umur			
Tua Awal (60-64 tahun)	14.6	65.9	19.5
Tua Pertengahan (65-69 tahun)	27.9	65.1	7.0
Tua Benar (70-74 tahun)	42.2	46.7	11.1
Tua Bangka (75 tahun dan lebih)	43.2	52.3	7.7
Status Perkahwinan			
Berkahwin	25.5	58.2	16.3
Bercerai	30.2	65.1	4.8
Balu	57.1	42.9	-
Bujang	100.0	-	-
Tempoh Perkahwinan			
Baru	35.4	59.8	4.9
Lama	25.0	58.3	16.7
Jumlah Anak			
Ada	28.4	59.8	11.8
Tiada	40.0	40.0	20.0
Pendidikan			
Sekolah	16.1	63.2	20.7
Tidak	37.8	55.9	6.3
Pekerjaan			
Kerja	22.7	58.0	19.3
Tidak	33.3	59.5	7.1
Jumlah	29.0	58.9	12.1

PEMBOLEH UBAH BERKAITAN DENGAN KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF WARGA TUA

Untuk mengenalpasti pengaruh pemboleh ubah ke atas kesejahteraan, 14 pemboleh ubah telah disaring melalui analisis korelasi. Hasil analisis

mendapati 11 pemboleh ubah mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap kesejahteraan. Seterusnya pemboleh ubah ini telah melalui analisis regresi berganda yang menggunakan model berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots\dots\dots b_nX_n + e$$

di mana:

- Y = kesejahteraan subjektif warga tua,
- a = pemalar,
- $b_1 - b_n$ = koefisien regresi pemboleh ubah (1 – n), dan
- $X_1 - X_n$ = pemboleh ubah (1 – n)

Setelah melalui analisis regresi lima pemboleh ubah signifikan pada paras 0.05, iaitu: pendidikan (+0.2608, $p < 0.001$), pekerjaan (+0.1871, $p < 0.01$), kualiti perumahan (+0.2939, $p < 0.001$), hubungan pasangan (+0.3610, $p < 0.05$), dan hubungan jiran tetangga (+0.2365, $p < 0.001$). Analisis ke atas nilai R^2 yang bernilai 0.3875, menunjukkan model yang dibentuk berjaya menyumbang sebanyak 38.8% ke atas kesejahteraan subjektif warga tua di daerah Limbongan (Jadual 6).

Jadual 6

Analisis Regresi Berganda Menunjukkan Pengaruh Pelbagai Pemboleh Ubah Bebas Ke atas Kesejahteraan Subjektif Warga Tua

Pemboleh ubah	Beta	Sig T
Pemalar		
Umur (UMUR)		
Pendidikan (TPENDI)		
Pekerjaan (PKERJA)		
Status Perkahwinan (SKHWIN)		
Tempoh Perkahwinan (TKHWIN)		
Jumlah Anak (JUANAK)		
Kualiti Perumahan (KRUMAH)		
Sokongan Pasangan (SPASNGT)		
Hubungan Dgn. Pasangan (HPASNGT)		
Hubungan Dgn. Anak (HDEWST)		
Hubungan Dgn. Jiran (HJIRANT)		
$R^2 = 0.3875$	$R^2 = 0.3541$	F = 11.6160
		Sig F = 0.0000

* $P < 0.05$; ** $P < 0.01$; *** $P < 0.001$

PERBINCANGAN PEMBOLEH UBAH BERKAITAN DENGAN KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF WARGA TUA

Daripada model regresi terdapat lima pemboleh ubah mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif. Koefisien beta pemboleh ubah pendidikan, iaitu (+0.2608, $P < 0.001$) bererti pemboleh ubah ini mempunyai pengaruh positif yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Dengan pendidikan rendah yang dicapai sedikit sebanyak boleh meningkatkan tahap pemikiran warga tua itu sendiri. Dengan bekal pendidikan, walaupun pendidikan rendah, ia boleh mempengaruhi dan membuka minda dan tahap pemikiran warga tua. Dengan pendidikan, walaupun warga tua bekerja sebagai petani, dan berpendapatan rendah, tetapi minda mereka berbeza dengan minda rakan sebaya yang tidak pernah bersekolah. Daripada cara mereka mengemukakan sesuatu idea dalam perbualan, dapat dikesan bahawa tahap pemikiran warga tua yang bersekolah adalah lebih baik. Sebab itulah pengaruhnya ke atas kesejahteraan subjektif adalah lebih kuat berbanding kesejahteraan material.

Selain pendidikan, status pekerjaan warga tua juga mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif (+0.1871, $P < 0.01$). Oleh itu hipotesis yang mengatakan pemboleh ubah ini tidak mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan warga tua tidak boleh diterima. Warga tua yang bekerja mempunyai kesejahteraan subjektif yang lebih tinggi. Banyak alasan yang dapat dikemukakan mengapa pemboleh ubah status pekerjaan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan ke atas kesejahteraan. Warga tua yang bekerja mempunyai sumber pendapatannya sendiri, mampu membeli barangan untuk isirumah sendiri, dan mereka lebih mewah dari segi pendapatan. Mereka ada jaminan dari segi ekonomi. Keadaan ini menyebabkan kesejahteraan material mereka adalah lebih tinggi. Warga tua yang tidak bekerja sentiasa risau dan bimbang akan nasib keluarga. Mereka bimbang tentang mencari wang untuk memenuhi keperluan hidup keluarga. Mereka juga merasa tidak selamat disebabkan terpaksa bergantung kepada orang lain dari segi pendapatan untuk memenuhi keperluan harian. Mereka tidak mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan harian dan merasa bergantung kepada orang lain. Sedangkan perasaan bimbang boleh menurunkan tahap kesejahteraan subjektif. Keadaan ini menjadikan warga tua yang tidak bekerja merasa tidak sejahtera. Bagi warga tua yang bekerja pula disebabkan mempunyai sumber pendapatan sendiri, merasa lebih selamat. Fikiran

mereka tenang kerana tidak bimbang tentang pendapatan. Warga tua ini merasa bebas untuk berbelanja apa sahaja, terutama untuk tujuan makan atau minum di kedai-kedai kopi bagi warga tua lelaki. Mereka merasa ada jaminan dari segi sosial. Rasa terjamin dari segi sosial ini boleh melahirkan rasa tenang, sedangkan perasaan tenang ini penting untuk dapat meningkatkan kesejahteraan hidup. Selain itu bekerja juga berkaitan dengan persepsi warga tua itu sendiri ke atas tahap kesihatannya. Disebabkan mereka masih mampu bekerja, mereka merasa masih sihat, sedangkan persepsi mengenai tahap kesihatan adalah penting dalam menentukan tahap kesejahteraan tanggapan warga tua. Seorang warga tua mengatakan semakin baik tanggapan tentang kesihatan, akan semakin bahagia hidup, dan kerana itu tahap kesejahteraan subjektif akan meningkat.

Kualiti perumahan dengan koefisien beta (+0.2939, $P < 0.001$), merupakan pemboleh ubah yang paling kuat pengaruhnya ke atas kesejahteraan subjektif warga tua daerah Limbongan. Daripada nilai koefisien beta yang positif didapati semakin tinggi kualiti perumahan, semakin tinggi kesejahteraan subjektif. Warga tua yang lebih sejahtera dari segi material selalunya mempunyai rumah yang lebih berkualiti. Ia juga bererti warga tua yang mempunyai kesejahteraan yang lebih tinggi mempunyai rumah yang lebih berkualiti. Ada beberapa alasan yang boleh menerangkan mengapa kualiti perumahan mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan subjektif. Pertama rumah adalah lambang kebanggaan dan status yang boleh membezakan kelas sosial dalam masyarakat di Limbongan. Warga tua merasa bangga jika mempunyai rumah yang besar, lebih-lebih lagi rumah yang cantik. Sebaliknya rasa rendah diri boleh timbul jika rumah kecil dan berkualiti rendah, terutama apabila kebanyakan rumah di sekitar adalah rumah yang besar dan elok. Rumah bukanlah sekadar tempat tinggal. Ia adalah simbol kebebasan, sumber kenangan manis, serta menjadi pusat yang menghubungkan warga tua, dan tempat berkumpulnya ahli keluarga. Rumah yang berkualiti menjadi tumpuan ahli keluarga untuk berkumpul, dengan itu ibu bapa akan merasa seronok kerana selalu dikunjungi. Warga tua yang tidak mempunyai rumah, berada dalam keadaan berisiko tinggi dan ada ditemui warga tua ini mempunyai pelbagai masalah sosial, psikologi dan kewangan. Keadaan kesihatan warga tua yang buruk memerlukan rumah yang selesa. Eastman (1978) yang menganalisis keadaan ini mendapati kualiti perumahan mempunyai kaitan erat dengan tahap kesejahteraan hidup, dan hubungan di antara dua pemboleh ubah

bertambah kuat apabila terdapat isi rumah yang mempunyai masalah kesihatan.

Berdasarkan alasan ini, wajarlah pemboleh ubah ini mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Pentingnya pengaruh kualiti perumahan ke atas kesejahteraan subjektif warga tua di Limbongan juga disebabkan kaitannya dengan keselesaan fizikal rumah yang boleh membawa kepada keseronokan dan ketenangan. Daripada pemerhatian yang dibuat ke atas kehidupan warga tua di kawasan kajian, didapati kebanyakan warga tua kurang mempunyai inisiatif untuk menjaga kebersihan dan keselesaan rumah. Tugas ini banyak diserahkan kepada anak-anak, khususnya anak perempuan. Sekiranya warga tua tersebut tidak mempunyai hubungan dan sokongan anak, keadaan rumah agak terbiar. Rumah jadi kotor dan tidak terurus. Persekitaran rumah menjadi tidak menyenangkan. Dengan kualiti rumah yang kurang menyenangkan ini boleh meninggalkan kesan yang negatif ke atas emosi dan seterusnya mempengaruhi kesihatan. Tahap kesihatan pula seperti yang telah banyak dianalisis, mempunyai pengaruh yang penting ke atas tahap kesejahteraan warga tua.

Berdasarkan kepada sebab-sebab inilah maka wajarlah kualiti perumahan ini didapati mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan ke atas tahap kesejahteraan warga tua di kawasan kajian. Di samping berpengaruh ke atas keselesaan fizikal, ia juga berpengaruh ke atas keselesaan hubungan sosial warga tua itu sendiri dengan pasangannya. Ramai warga tua desa apabila mencapai umur tua, terpaksa menjaga jarak hubungan di antara suami dan isteri supaya tidak dianggap intim oleh anak cucu. Rumah yang berkualiti membolehkan warga tua meneruskan hubungan intim dengan pasangannya. Dengan rumah yang selesa, terutama rumah yang mempunyai bilik untuk setiap individu, warga tua akan merasa lebih bebas dan lebih selesa berhubung dan berinteraksi dengan pasangannya, satu keadaan yang mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan subjektif. Sebab itu warga tua yang mempunyai rumah yang berkualiti mempunyai kesejahteraan subjektif yang lebih tinggi. Pentingnya pengaruh kualiti perumahan ini adalah selaras dengan hasil kajian pengkaji lain yang juga mengkaji aspek ini dan mendapati kualiti perumahan adalah penting untuk kesejahteraan warga tua. Daripada pelbagai kajian yang telah dibuat (umpamanya, Campbell *et al.* 1976; Harris, 1978; Estman, 1978; Cantor & Little, 1985), semuanya menunjukkan pemboleh ubah ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesejahteraan warga tua,

dan mendapati kualiti rumah yang baik boleh meningkatkan tahap penyelesaian dan kesejahteraan subjektif mereka.

Daripada tiga jenis hubungan sosial yang diambil kira, hubungan warga tua dengan pasangan (+0.3610, $P < 0.05$), dan hubungan warga tua dengan jiran tetangga (+0.2365, $P < 0.001$) mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif mereka. Hubungan sosial dengan anak, ternyata tidak mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan subjektif warga tua di daerah Limbongan. Berbeza dengan adanya anak yang boleh meningkatkan kesejahteraan material (Wan Ibrahim Wan Ahmad, *et al.* 2009), tetapi hubungan dengan anak itu sendiri, dalam kajian ini, secara kuantitatif, tidak terbukti boleh meningkatkan kesejahteraan subjektif warga tua. Ini kerana ada kaitannya dengan keadaan sosioekonomi anak-anak warga tua di Limbongan itu sendiri. Anak-anak warga tua yang selalu menziarah ibu bapa di Limbongan, dari segi geografinya, adalah tinggal berdekatan. Anak-anak ini seperti yang diperhatikan, adalah anak yang tidak mempunyai kedudukan sosioekonomi yang baik. Anak-anak itu sendiri seringkali mempunyai masalah dari segi sosioekonomi, dan kerap kali menjadikan ibu bapa sebagai tempat bergantung, bukan menjadi sumber pergantungan warga tua. Tahap pemikiran mereka juga rendah. Setiap kali mereka menziarah ibu bapa, mereka boleh menimbulkan masalah, dan bukannya menyenangkan hati ibu bapa. Konflik sering terjadi apabila anak-anak ini menziarah, dan kerana itu tidak meningkatkan kesejahteraan warga tua.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan berdasarkan analisis mengenai hubungan di antara anak dengan tahap kesejahteraan subjektif warga tua di Limbongan ialah, adanya anak adalah penting kepada warga tua untuk meningkatkan kesejahteraan material, tetapi tidak semestinya penting untuk kesejahteraan subjektif. Anak yang bermasalah dari segi ekonomi, boleh meninggalkan kesan negatif yang boleh mewujudkan ketegangan, sedangkan ketegangan yang timbul boleh membawa kepada rasa sedih dan kecewa yang mendalam dan berpanjangan di kalangan warga tua, dan seterusnya boleh menurunkan tahap kesejahteraan subjektif. Untuk mengelakkan ketegangan inilah ada ibu bapa yang sudah tua di Limbongan yang ditemui merasa keberatan sekiranya diajak meninggalkan rumah untuk tinggal bersama anak-anak, walaupun rumah mereka itu kecil dan usang. Mereka merasakan jika mereka tinggal di rumah sendiri, mereka adalah tuan dalam rumah, dan bebas melakukan apa sahaja. Dengan tinggal di rumah sendiri juga, hubungan baik dengan anak-anak dapat dikekalkan.

Salah seorang anak dewasa yang sempat ditemui, mengakui walaupun ada anak dewasa yang terpaksa tinggal serumah dengan ibu bapa kerana ingin menjaga mereka yang sudah tua, tetapi dia sendiri lebih suka tinggal berasingan daripada rumah ibu bapa mereka. Anak ini berpendapat keharmonian hubungan dapat dijaga sekiranya mereka tinggal berasingan, sebaliknya jika tinggal serumah, kadang-kadang ketegangan tidak dapat dielakkan. Bagi anak ini apa yang lebih penting ialah sokongan yang dapat diberikan kepada warga tua. Sokongan boleh diberikan walaupun tinggal berasingan. Keadaan inilah yang menyebabkan mengapa hubungan sosial di antara warga tua dengan anak-anak dewasa tidak dapat meningkatkan kesejahteraan subjektif warga tua.

Dalam masyarakat Melayu di kawasan kajian, perkahwinan, iaitu hubungan di antara warga tua dengan pasangan, masih merupakan nilai sosiobudaya dan masih merupakan institusi yang menjadi kawalan sosial yang dianggap penting yang boleh menyediakan sokongan emosi dan perkongsian tanggung jawab. Keadaan ini boleh memberikan pengaruh tertentu ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Dalam masyarakat di Limbongan, pasangan adalah penting kepada penjagaan fizikal dan emosi. Dalam keadaan sakit, emosi warga tua adalah lebih sensitif. Dalam keadaan ini pasanganlah yang menjadi orang yang berperanan untuk mententeramkan emosi yang tidak menentu akibat tahap kesihatan yang menurun. Sebab itu hubungan warga tua dengan pasangan di Limbongan adalah penting kepada kesejahteraan subjektif mereka.

Hubungan sosial dengan jiran tetangga juga ternyata lebih penting dan ia mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Ini kerana warga tua di kawasan kajian lebih suka menganggap jiran sebagai tempat berkomunikasi. Jiran adalah tempat responden berhubung dan melibatkan diri dalam apa juga aktiviti sosial. Jiran juga dianggap sebagai tempat untuk mencurahkan perasaan dan tempat meminta pandangan mengenai sesuatu masalah. Di samping itu dengan adanya hubungan sosial ini yang berterusan dengan jiran tetangga, warga tua merasai bahawa diri mereka masih mempunyai peranan dalam masyarakat dan mereka masih dihargai ataupun tidak dibiarkan tersisih daripada komuniti.

Perasaan terasing yang diakibatkan oleh kehilangan status dan peranan sosial boleh menyebabkan warga tua menerima tekanan psikologi

seperti kehampaan, kemurungan atau kesunyian. Keadaan terbiar kerana ketiadaan atau kekurangan hubungan sosial dengan ahli keluarganya atau ahli komunitinya juga boleh membawa warga tua kepada kemurungan dan kesunyian. Warga tua akan merasa bangga dan puas sekiranya mereka selalu dijadikan tempat rujukan mengenai sesuatu perkara dan kerana itu tidak wujud masalah kemurungan dan kesunyian. Bagitu juga jika sekiranya mereka selalu diberikan tugas-tugas tertentu dalam masyarakat, mereka akan merasa diri mereka adalah masih penting kepada masyarakat. Jiran tetangga juga adalah penting dari segi sokongan emosi. Banyak masalah emosi warga tua di Limbongan dapat diatasi bersama dengan jiran rakan sebaya. Warga tua di kawasan kajian mempunyai semangat perpaduan yang kuat dengan jiran rakan sebaya. Mereka lebih banyak menjadikan jiran rakan sebaya sebagai tempat mencurahkan perasaan. Oleh itu jiran rakan sebaya yang mempunyai kesamaan umur dan pengalaman, lebih-lebih lagi yang mempunyai kesamaan dari segi ideologi politik, boleh menjadi sumber penting ke arah peningkatan kesejahteraan subjektif mereka.

RUMUSAN

Terdapat dua pendekatan besar dalam menganalisis kesejahteraan, iaitu pendekatan objektif dan pendekatan subjektif. Makalah ini menggunakan pendekatan subjektif untuk mengukur kesejahteraan subjektif warga tua di daerah Limbongan, Pasir Putih, Kelantan. Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi kesejahteraan warga tua. Kajian ini menganalisis 11 pemboleh ubah yang dianggarkan mempunyai pengaruh ke atas kesejahteraan subjektif warga tua. Analisis menggunakan teknik regresi berganda menunjukkan pendidikan, pekerjaan, kualiti perumahan, hubungan dengan pasangan dan hubungan jiran tetangga, adalah lima pemboleh ubah yang mempunyai pengaruh signifikan ke atas kesejahteraan, dan ini bererti pendidikan, pekerjaan, kualiti perumahan, hubungan dengan pasangan dan hubungan jiran tetangga adalah penting dalam konteks kesejahteraan warga tua di kawasan desa di Kelantan.

NOTA AKHIR

1. Perbincangan mengenai kesejahteraan material warga tua dibuat melalui Wan Ibrahim Wan Ahmad *et al.* (2009).

RUJUKAN

- Al-Qur'an al Karim dan Terjemahannya.
- Abrams, Mark. (1973). Subjective social indicators. *Social trends*. London: Government of Statistical Survices.
- Allardt, E. (1973). *About dimentions of welfare*. University of Helsinky Research Group for Comparative Sociology.
- Amriah Buang. (1988). *Location and well-being*. (Disertasi Ph.D). University of Manchester, England.
- Andrew, Frank, M. (1974). Social indicators of perceived life quality. *Social Indicators Research I*, 270-299.
- Andrews, F.M., & Withey, S. (1976). *Social indicators of well-being. Americans perceptions of life quality*. New York: Plenum Publishing.
- Antonucci, T.C., & Akiyama, H. (1987). Social networks in adult life and a preliminary exammination of the convoy model. *Journal of Gerontology*, 42(5), 519-527.
- Antonucci, T.C. (1985). Personel characteristics, social support, and social, in Robert H. Binstock and Ethel Shanas (Eds.) *Handbook of aging and the social sciences*, (2nd. ed.). New York: Van Nostrand.
- Arling, Greg. (1976). The elderly widow and her family, neighbors and friends. *Journal of Marriage and the Family*, 38.
- Asmah Ahmad. (1983). *The nature of poverty in Peninsular Malaysia: A study of Baling district in the state of Kedah*. (Disertasi Ph.D). University of Birmingham.
- Atchley, R.C. (1975). The life course, age grading and age-linked demands for decision making. Dlm. Datan, N., & Ginsberg, L.H. (Eds.). *Life span development psychology*. New York: Academic Press.
- Berkman, L.S., & Syme, S. L. (1979). Social networks, host resistance, and mortality: A nine year follow-up study of alamada country residents. *American Journal of Epidemiology*, 109(2), 186-204.
- Buttel, F.H., Wilkening, E.A., & Martinson, O.B. (1977). Ideology and social indicators of the quality of life. *Social Indicators Research*, 4, 353-369.
- Caldwell, J.C. (1976). Towards of a restatement of demographic transition theory. *Population and Development Review*, 2, No3/4
- Campbell, A. et al. (1976). Subjective measures of well-being. *American Psychologist*, 31, 17-24.
- Cantor, M., & Little, V. (1985). Aging and social care. Dlm. R.H.Binstock, and E. Shanas (Eds.). *Handbook of aging and the social sciences* (2nd ed.). New York: Van Nostrand Reinhold.
- Cantor, M.H. (1979). Neighbors and friends: An overlooked resources in the informal support system. *Research on Aging*, 4.

- Cheal, D.J. (1983). Intergenerational family transfers. *Journal of Marriage and the Family*, November.
- Chua, T.T. (1988). Some myths and facts about the elderly. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 8, 1-5.
- Cicirelli, V.G. (1983). Adult children and their elderly parents. Dlm. T.H. Brubaker (Eds.) *Family relationship in later life*. Beverly Hill, Calif.: Sage.
- Clay, D.C., & Haar, Jane E.V. (1993). Patterns of intergenerational support and childbearing in the third world. *Population Studies*, 47, 67-83.
- Collette, J. (1984). Sex differences in life satisfaction: Australian data. *Gerontology*, 39, 243-245.
- Conner, K., Powers, E., & Bultena, G. (1979). Social interaction and life satisfaction: An empirical assessment of late-life patterns. *Journal of Gerontology*, 34, 116-121.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1993). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diener, E.D. (1984). Subjectives well-being. *Psychological Bulletin*, 95(3), 542-575.
- Dowd, J., & LaRossa, R. (1982). Primary group contact and elderly morale: An exchange/power analysis. *Sociology and Social Research*, 66, 184-197.
- Edwards, J.N., & Klemmack, D.L. (1973). Correlates of life satisfaction: A re-examination. *Journal of Gerontology*, 28, 497-502.
- Erickson, C.A. (1989). Negative perceptions of social support: Satisfaction with support from family vs.friends. *Family Perspectives*, 23, 83-96.
- Eastmen, K.S. (1978). Housing satisfaction, life satisfaction, and disability. *Housing and Society*, 5(3), 27-34.
- Feldman, H. (1974). Changes in marriage and parenthood: A methodological design. Dlm. E.Peck & J. Senderowitz (Eds.). *Pronatalism*. New York: Thomas Y. Crowell.
- Fergusson, D.M., Horwood, L.J., & Beautrais, A.L. (1981). The measurement of family material well-being. *Journal of Marriage and the Family*, August, 715-725.
- Fischer, Lucy Rose. (1982). Transitions in the mother-daughter relationships. *Journal of Marriage and The Family*, 48.
- Fletcher, C.N., & Lorenz, F.O. (1985). Structural influences on the relationship between objective and subjective indicators of economic well-being. *Social Indicators Research*, 16.
- Garfinkel, I., & Haveman, R.H. (1977). *Earning capacity: Poverty and inequality*. New York: Academic Press.
- Ghalwash, A. (1978). *Dakwah Islamiah*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

- Gibson, Mary J. (1992). Public health and social policy. Dlm Hal L. Kendig et al. (Eds). *Family support for the elderly: The international experience*. Oxford: Oxford University Press.
- Glenn, N., & McLanehan, S. (1981). The effect of offspring on psychological well-being of older adult. *Journal of Marriage and The Family*, 43, 409-421.
- Glenn, N., (1975). The contribution of marriage to the psychological well-being of males and females. *Journal of Marriage and The Family*, 37, 594-600.
- Gove, Philip B. (1966). *Webster's third new international dictionary*. Springfield, Massachuset: G & C Merriam Company.
- Harris, R. J. (1978) Recent trends in the relative economic status of older adults. *Gerontology*, 41(3), 401 - 408
- Harkins, E.B. (1978). Effect of empty nest transition on self-report of psychological and physical well-being. *Journal of Marriage and The Family (August)*, 549-556.
- Hashim Hj Yahaya . (1989). *Tanggungjawab ibubapa dan anak menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Havanon, N., Knodel, J., & Sittitrai, W. (1992). The impact of family size on wealth accumulation in rural Thailand. *Population Studies*, 46, 37-51.
- Herzog, A.R., & Rogers, W.L. (1981). Age and satisfaction: Data from severall surveys. *Research on Aging*, 3, 142-165.
- Hooyman, Nancy R., & Kiyak, H. A. (1988). *Social gerontology: A multidisciplinary perspective*. Mass.: Allyn and Bacon.
- Horwitz, Allan V. (1993). Adult siblings as sources of social support for the seriously mentally III. test of the serial model. *Journal of Marriage and The Family*, 55, 623-632.
- House, J.S., & Kahn, R.L. (1985). Measures and concepts of social support. Dlm. S. Cohen dan S.L. Syme (Peny.). *Social support and health*. Orlando: Academic Press.
- Jean, Pala. (1998). *Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Julie, DaVanzo., & Angelique, Chan. (1994). Living arrangements of older Malaysians: Who coresides with their adult children? *Demography*, 31(1), 95-113.
- Larson, R. (1978).Thirty years of research on subjective well-being of older American. *Journal of Gerontology*, 33.
- Lee, G.R., & Ellithorpe, E. (1982). Intergenerational exchange and subjective well-being among the elderly. *Journal of Marriage and The Family*, 44, 217-24.
- Lee, Gary R. (1979). Children and the elderly: Interaction and morale. *Research on Aging*, 1, 335-360.

- Leon, J. (1985). A recursive model of economic well-being. *Gerontology*, 40(4), 494-505.
- Levy, S., & Guttman, L. (1975). On the multivariate structure of well-being. *Social Indicators Research* 2, 361-388.
- Liang, J., & Fairchild, T. (1979). Relative deprivation and perception of financial adequacy among the aged. *Gerontology*, 34, 746-759.
- Liang, Jersey *et al.* (1980). Social integration and morale: A Reexamination. *Gerontology*, 35, 746-757.
- Litwak, E., & Messeri, P. (1989). Organizational theory, social support, and mortality rates: A theoretical convergence. *American Sociological Review*, 54, 49-66.
- Markides, K.S., & Martin, H.W. (1979). A causal model of life satisfaction among the elderly, *Gerontology*, 14, 81-93.
- Masitah, Mohd. Yatim, & Nazileh, Ramli. (1988). *Socio economic consequences of the ageing of population survey 1986*. Malaysia country report. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara.
- McLaneham, S. (1985). Family structure and the reproduction of poverty. *American Journal of Sociology*, 40, 873-901.
- McNeil, J.K., Stones, M.J., & Rozma, A. (1986). Subjective well-being in later life: Issues concerning measurement and predictors. *Social Indicators Research*, 18, 35-70.
- Medley, M.L. (1976). Life satisfaction across four stages of adult life. *International Journal of Aging and Human Development*, 11, 193-209.
- Medley, M.L. (1980). Satisfaction with life among persons 65 years and older. *Gerontology*, 31, 448-455.
- Michalos, A.C. (1982). The satisfaction and happiness of some senior citizens in rural Ontario. *Social Indicators Research*, 11, 1-30.
- Milbrath, Lester. (1980). The roles of values and life goals in quality of life: On measuring and subjectives well-being. Paris: UNESCO.
- Mohd. Nasir, Omar. (1992). *A study of how to attain happiness as reflected in the works on Tahdhib al-akhlaq by Yahya ibn Adi (d.974) and Miskawayh (d1034)*. (Disertasi Ph.D). University of Nottingham, England.
- Morgan, J.N. (1968). The supply of effort, the measurement of well-being, and the dynamics of empowerment. *American Economic Review*, 58(2), 31-39.
- Morgan, J.N. (1974). *The changing economic status of 5000 American families: Highlight from the panel study of income dynamics*. Office of Economic Opportunity, U.S. Department of Health, Education and Welfare: Washington.
- Mutran, E., & Reitzes, D.C. (1985). Intergenerational support activities and well-being among the elderly: A convergence of exchange and symbolic interaction perspectives. *American Sociological Review*, 49.

- Myers, George C. (1992). Demographic aging and family support for older persons. Dlm. Hal L.Kendig et al. (Eds). *Family support for the elderly. The international experience*. London: Oxford University Press.
- Palmore, E. (1979). Predictors of successful aging. *Gerontologist*, 19, 427-431.
- Riley, Maltida., & Foner, A. (1968). *Aging and society, an inventory of research findings*. New York: Russel Sage Foundation.
- Rudd, N.M., & Kline, K.L. (1976). Money value of consumption and income of rural families: Two measures of economic status. *Social Indicators Research*, 3.
- Seelbach, Wayne C., & Sauer, W.J. (1977). Filial responsibility expectations and morale among aged parents. *The Gerontologist*, 17(6), 492-498.
- Shin, Doh C., & Johnson, D. (1978). Avowed happiness as an overall assesment of quality of Life. *Social Indicators Research*, 5, 4725-492.
- Shin, Doh C., Ahn, C.S., Kim, K.D., & Lee, H.K. (1983). Environmental effects on perceptions of life quality in korea. *Social Indicators Research* 12, 393-416.
- Taylor, Robert J. (1986). Receipt of support from family among Black American: Demographic and familial deferences. *Journal of Marriage & the Family*, 48.
- Thoits, P. (1982). Conceptual, methodological, and theoretical problems in studying social support as a buffer against life stress. *Journal of Health and Social Behavior*, 23, 145-159.
- Toseland, R., & Rasch, J. (1979-80). Correlates of life satisfaction: An aid analysis. *International Journal of Aging and Human Development*, 10, 203-211.
- Usui, W.M., Keil, T.T., & Durig, K.R. (1985). Socioeconomic comparisons and life satisfaction of elderly adults. *Gerontology*, 40, 110-114.
- Walker, A.J., & Pratt, C.C. (1991). Daughters' help to mothers: Intergenerational aid versus caregiving. *Journal of Marriage and The Family*, 53(3), 3-12.
- Wan Ibrahim, Wan Ahmad. (1999). *Hubungan sosial, sokongan dan kesejahteraan warga tua: Satu kajian di pedesaan Kelantan*. (Tesis Ph. D, Fakulti Ekologi). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Ibrahim, Wan Ahmad, Ma'arof Redzuan, Zahid Emby, & Abdul Halin Hamid. (2009). Kesejahteraan material warga tua desa: Data mikro daripada Limbongan, Kelantan. *International Journal of Management Studies*.
- Ward, R.A. (1979). The never married in later life. *Gerontology*, 34(6), 861-869.
- Wilheim, M.S., Iams, D.R., & Rudd, J. 1987. Husband and wife agreement on indicators of objective and subjective well-being. *Home Economics Research*, Sept.